

# Nelayan terjejas, pelantar ikan rosak dipukul ombak

UM 20/9/2024 pg 32

Oleh AIN SAFRE BIDIN

utusannews@mediamulia.com.my

**BAGAN DATUK:** Nelayan di sini mengeluh kerana sukar ke laut dan memunggah hasil tangkapan apabila pelantar ikan di kampung mereka rosak dilanda ombak berikutan fenomena air pasang besar di sini semalam.


Nelayan yang ditemui berkata, ini kerana pelantar ikan yang dibina tiga tahun lalu itu mengalami kerosakan teruk.

Seorang nelayan, Mohamad Nahar Sarip, 60, berkata, akibat dipukul ombak, pelantar ikan di kampung itu patah tiang dan lantainya dan tidak selamat untuk digunakan.

Katanya, selain itu, jalan masuk ke pelantar ikan itu juga terhalang akibat dipenuhi sampah yang dihanyutkan air pasang besar.

“Ombak besar turut menghanyutkan peralatan menangkap ikan terutama jaring ikan dan peralatan lain seperti tong ikan dan kerang.

“Jalan masuk ke pelantar ikan sudah tidak boleh dilalui kerana banyak sampah hanyut seperti pokok kayu dan tayar lama, lauan ke pelantar ikan sudah ter-



**KEADAAN** pelantar ikan yang rosak dipukul ombak berikutan air pasang besar di Bagan Sungai Tiang di Bagan Datuk, Perak semalam.

- UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

putus dan memerlukan masa yang lama untuk diperbaiki.

“Bagaimana kami hendak ke laut kerana pelantar ikan tempat bot berlabuh dan menurunkan hasil laut sudah rosak,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurut Mohamad Nahar, fenomena air pasang besar kali

ini lebih buruk kerana paras naik dikatakan baik lebih tinggi berbanding sebelum ini.

Katanya, fenomena air pasang besar di kawasan Bagan Datuk berlaku sejak 16 September lalu dan keadaan semakin buruk apabila ombak besar kerap melanda kawasan pantai

di sini.

“Kejadian air pasang besar yang berlaku pada kira-kira pukul 6 pagi semalam menyebabkan ombak tinggi sehingga air limpah lepas bari atau benteng penahan air laut.

“Jadi kami harap pihak berkenaan dapat memperbaiki pelantar ikan yang rosak ini untuk kemudahan kami. Buat masa ini kami terpaksa menumpang di pelantar ikan di kampung berdekatan.

“Kami harap pelantar ikan yang diperbaiki nanti lebih kukuh dan selamat untuk kami,” katanya.

Kelmanin, sebuah pelantar ikan dan restoran di Bagan Sungai Burung, Rungkup mengalami kerosakan selepas dilanda ombak berikutan fenomena air pasang besar.

Pegawai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Daerah Bagan Datuk, Mohd. Fazly Mohamad Zawawi berkata, berdasarkan laporan diterima, berlaku hujan lebat dan ribut petir di kawasan berkenaan melebihi dua jam sejak pukul 4 pagi. Menurutnya fenomena air pasang besar telah bermula sejak Isnin.